

redaksi

Ketua Pengarang NSTP
Datuk Yushaimi Yahaya

Pengarang Eksekutif Kanan
Integrasi NSTP
Saidon Idris

Pengarang Eksekutif
Berita Harian (BH)
Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman

Pengarang Pendidikan
Fadzlena Jafar

Pengarang Berita Pendidikan
Ridzuan Yop

Penolong Pengarang Berita Pendidikan
Mohd Zin Mohd Ali

Webmaster Pendidikan
Shuhazmir Selamat

Penyunting Eksekutif
Muhammad Fakhri Alias
Rusnita Pechok

Wartawan:
Nor Azma Laila
Basir Zahrom
Faizatul Farhana Farush Khan
Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak

Artis Eksekutif
Mohd Hakim Ismail
Mohd Zainudin Ismail

Ilustrator:
Khairul Anuar Md Nor (Yon)

E-mel: bhvarsiti.com.my

Pengiklanan
Tel: 1300226787

Berita Harian
Tel: 1300226787 samb 5108
Faks: 03-2056 7081

LANGGANAN
Jabatan Pengedaran dan Jualan
Akbar NSTP 31, Jalan Riong,
59100 Kuala Lumpur
Emel: educationNSD@
mediaprima.com.my
Samb: 7755
Tel: 03-2724 8999

E-mel atau surat ke alamat:
bhvarsiti@bh.com.my atau
Balai Berita,
31, Jalan Riong, 59100,
Kuala Lumpur

www.bhpendidikan.com.my

bhpendidikan

bhpendidikan



Tanggungjawab dan peranan jururawat cukup meluas membabitkan banyak jabatan serta bahagian.

BERSEMPENA SAMBUTAN HARI JURURAWAT SEDUNIA

Karier kejururawatan semakin diminati

Oleh Faizatul Farhana
Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kepentingan kerja jururawat dan permintaan tinggi sektor pekerjaan berkaitan membuatkan Management & Science University (MSU) memperkenalkan program pengajian kejururawatan sejak 10 tahun lalu, bagi melahirkan graduan berkemahiran tinggi dalam bidang itu.

Ketua Jabatan Kejururawatan MSU, Norhayati Hussain, berkata kewujudan program pengajian kejururawatan itu, bermatlamat memberi peluang kepada lepasan sekolah mengikuti pengajian berkenaan berikutan semakin ramai golongan muda berminat menceburi kerjaya terbabit.

Katanya, program pengajian kejururawatan di MSU sama ada di peringkat diploma atau ijazah sarjana muda mendapat sambutan daripada golongan muda, termasuk ibu bapa.

"Sebagai institusi pengajian tinggi (IPT), kita

berusaha menampung keperluan sektor pekerjaan negara.

"Bagi bidang kejururawatan, kita bukan sahaja menyediakan silibus yang menepati garis panduan Lembaga Jururawat Malaysia dan mementingkan pencapaian cemerlang akademik, tetapi juga menerapkan nilai kemahiran insaniah, seperti kemahiran komunikasi, kecekapan berfikir, penguasaan teknologi maklumat serta ciri kepimpinan," katanya kepada *BH Varsiti*, baru-baru ini.

Penuhi permintaan

Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Abdul Jalil Nordin, berkata pembukaan pusat kesihatan dan rawatan yang semakin bertambah di negara ini, menunjukkan kerjaya jururawat semakin diperlukan bagi memikul tanggungjawab mengendalikan rawatan pesakit.

Beliau berkata, bagi memenuhi permintaan jururawat yang semakin meningkat, UPM sejak empat tahun lalu memperkenalkan pengajian peringkat ijazah sarjana

muda kejururawatan.

Katanya, pengajian itu selaras usaha mengembling tenaga ke arah melahirkan jururawat berpengalaman tinggi, meningkatkan kesihatan penduduk dan memenuhi keperluan rawatan masyarakat.

"Sepanjang pengajian, pelajar kita bukan sahaja akan mengikuti pembelajaran bersama pensyarah, tetapi juga menjalani latihan praktikal dan mendapat pendedahan latihan secara bersemuka serta bimbingan berterusan bagaimana proses penjagaan kesihatan dan rawatan dijalankan ke atas pesakit.

"UPM menyasarkan untuk menerapkan nilai baharu dan berinformasi secara total kepada graduan kami, selain memenuhi kepentingan kerjaya jururawat negara dalam mencapai status negara maju," katanya.

Lelaki kurang minat

Sementara itu, Pengerusi Program Kejururawatan Pusat Pengajian Sains Kesihatan Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Azlina Yusuf, berkata biarpun permohonan memasuki pengajian kejururawatan

semakin meningkat saban tahun, jumlah kemasukan pelajar lelaki untuk mengikuti bidang itu masih rendah.

Katanya, selain kurang minat berhubung kepentingan lelaki menceburi kerjaya sebagai jururawat, anggapan sejak dahulu bahawa kerjaya ini lebih sesuai bagi wanita membuatkan lelaki tidak memilihnya.

Dr Azlina berkata, masyarakat harus sedar bahawa kejururawatan adalah bidang yang memiliki banyak kelebihan seperti pasaran kerja meluas sama ada di dalam atau luar negara, kadar kebolehpasaran tinggi dan melatih pelajar seiring perkembangan bidang perubatan.

"USM menawarkan program kejururawatan sejak tahun 1994 bagi peringkat diploma dan tahun 2000 untuk ijazah sarjana muda dengan menyediakan modul profesional.

"USM juga memastikan setiap pelajar daripada bidang ini mengambil kursus Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris bagi menjadikan mereka graduan berkebolehan dalam pelbagai bidang," katanya.



Norhayati



Prof Abdul Jalil